Latihan Pengukuhan (Skema Jawapan)

1. Nyatakan objektif utama spesifikasi dalam kerja pembinaan.
    - Dapat menyatakan kepentingan spesifikasi JKR
    - Dapat menyenaraikan badan berkuasa tempatan yang terlibat dengan spesifikasi dalam kerja pembinaan.

2. Terangkan kepentingan **Spesifikasi JKR** dalam projek pembinaan kerajaan.
   Spesifikasi JKR penting kerana ia menjadi panduan rasmi yang menetapkan piawaian kerja, jenis bahan, kaedah pemasangan, ujian kualiti, dan aspek keselamatan. Ia memastikan projek kerajaan seperti sekolah, hospital, dan jalan raya dibina mengikut standard yang seragam, berkualiti, tahan lama, serta mematuhi piawaian antarabangsa. Spesifikasi JKR juga mengelakkan salah faham antara kontraktor dan kerajaan serta boleh dijadikan dokumen rujukan undang-undang jika berlaku pertikaian.

3. Mengapa perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum memulakan projek pembinaan?
   Kelulusan PBT penting kerana mereka mengawal selia pembangunan di kawasan tertentu. PBT memastikan pelan bangunan mematuhi peraturan perancangan bandar, menetapkan kemudahan awam yang mencukupi seperti tempat letak kereta dan kawasan hijau, serta mengawal isu pencemaran, bunyi, dan keselamatan. Tanpa kelulusan PBT, projek pembinaan tidak sah dari segi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.